

## PRESS CLIPPING

DATE : MAY 12, 2021  
MEDIA : BERITA HARIAN  
SECTION : BISNES  
PAGE : 39  
COLOUR : FULL COLOUR  
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED



LTAT umum dividen lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya disebalik cabaran pandemik.

(Foto hiasan)

# LTAT umum bayar dividen 3.5 peratus

**Untung bersih 2020 lebih tinggi cecah RM229 juta**

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**  
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

**Lembaga** Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengumumkan pembayaran dividen 3.5 peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, meningkat daripada 2.5 peratus pada 2019.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata beliau berpuas hati dengan keputusan yang dicapai oleh LTAT bagi tahun 2020 itu.

Katanya, ia lebih-lebih lagi dicapai dengan persekitaran ekonomi mencabar berikutan pan-

demik COVID-19 yang menyebabkan pergolakan ekonomi serta turun naik pasaran pada 2020.

"LTAT turut terkesan dengan dividen lebih rendah diterima daripada syarikat pelaburan.

"Bagaimanapun, LTAT masih mampu mengisytiharkan peningkatan dividen bagi 2020, berikutan untung bersih yang lebih tinggi mencecah RM229 juta berbanding RM92.8 juta pada 2019," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ismail Sabri berkata, beliau dimaklumkan faktor utama menyumbang kepada keputusan yang lebih baik adalah susulan kejayaan pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi melalui Pelan Transformasi LTAT.

Katanya, ini membolehkannya mencatatkan peningkatan keuntungan tertahan RM287.5 juta selepas bayaran dividen berjumlah RM310.7 juta, berbanding dengan keuntungan tertahan berjumlah

RM63.5 juta pada 2019.

"Kerajaan sedar kebajikan barisan hadapan kita, terutama anggota tentera yang berkhidmat, harus terus menjadi keutamaan.

"Kami berbesar hati untuk menyokong LTAT bagi memastikan peningkatan dividen bagi tahun dikaji," katanya.

Ismail Sabri berkata, Kementerian Pertahanan, bagi pihak semua anggota tentera yang menerima manfaat daripada pembayaran dividen amat menghargai sokongan diberikan kerajaan.

"LTAT akan terus memperkasakan prospeknya melalui pelan transformasi yang sedang digiatkan, bertumpu kepada pengukuhan dan pengimbangan semula portfolio pelaburan serta pada masa yang sama menambahbaik struktur organisasi, pengurusan risiko, amalan tadbir urus korporat serta pembangunan sumber manusia," katanya.